

TINDAKAN KE ATAS KERABAT DIRAJA

B.M. = 7 FEB 1993

Jika berkempen
perkara tidak
benar: Mahathir

Oleh Kamal Ahmad dan Lichong Angkui

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan bertindak balas terhadap kerabat diraja yang terbabit dalam kempen memburuk-burukkan kerajaan dan memutarbelitkan isu pindaan Perlembagaan Persekutuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, status kerabat diraja termasuk anak raja tidak lebih daripada rakyat biasa dan mereka tidak dilarang campur tangan dalam politik.

ganjak daripada pendirian asal dan meneruskan proses menguatkuasakan Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 yang diluluskan Parlimen 19 Januari lalu.

"Kita membuat pendirian yang sama iaitu akhirnya undang-undang itu akan diteruskan juga. Selain itu, kita juga membincangkan kesan undang-undang itu dan berpuas hati dengan kesan yang kita capai," katanya.

Mengenai kenyataan

Bagaimanapun, kerajaan akan bertindak balas jika mereka berkempen perkara yang tidak benar, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam.

"Mereka (kerabat diraja) juga adalah rakyat. Anak raja tidak ada status lebih daripada rakyat. Kita tidak larang kalau mereka nak campur tangan dalam politik. Tapi ia akan mempunyai kesan kepada peribadi mereka.

"Kalau dia memulakan kempen (memburuk-burukkan kerajaan dan menghasut rakyat menentang pindaan Perlembagaan) maka kita akan kempen melawan mereka pula. Kalau dia pegang jawatan tertentu, dia akan terjejas," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno diminta mengulas mengenai laporan agensi berita asing menyebut istana akan menemui rakyat berhubung isu pindaan Perlembagaan.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan tidak akan ber-

Sultan Pahang yang membayangkan isu pindaan Perlembagaan bagi menghadkan kekebalan raja-raja dari segi undang-undang boleh selesai pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang akan dipengerusikannya, Rabu dan Khamis ini, Perdana Menteri berkata.

"Kita akan tunggu sampai mesyuarat itu. Saya pun tidak tahu nak teka (kedudukan perkara itu). Kita alu-alukan penyelesaian."

Sama ada wujud sebarang kompromi dengan raja-raja untuk menyelesaikan isu itu, beliau menjelaskan: "Kita tidak terima sebarang permohonan untuk perundingan tapi pendirian kita telahpun dijelaskan iaitu kita pegang kepada undang-undang yang diluluskan Parlimen."

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak akan menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-159 itu kerana terpaksa menyambut ketibaan rakan sejawatnya dari Mauritius

LHAT MUKA 2

BN jamin pertahanan sistem beraja

DARI MUKA 1

B... = 7 FEB 1993

dalam lawatan rasmi ke Malaysia pada tarikh itu.

"Timbalan Perdana Menteri akan hadir di mesyuarat itu. Saya perlu bersama Perdana Menteri Mauritius," katanya.

Mengenai jaminan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan menukarkan status negara ini menjadi republik, Dr Mahathir berkata: "Selagi kerajaan BN memerintah, selagi itu kita akan mempertahankan corak pemerintahan sistem Raja Berpelembagaan.

"Kita beri jaminan bahawa Kerajaan BN de-

ngan sedaya upaya akan mempertahankan sistem itu tetapi kita tidak boleh beri jaminan jika negara diperintah oleh pembangkang pada masa akan datang.

"Parti BN terikat kepada sistem Raja Berpelembagaan," tegasnya.

Mengenai dakwaan perpecahan orang Melayu berikutan pindaan Perlembagaan, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak fikir begitu kerana perpecahan orang Melayu bukan disebabkan isu ini. Mereka berpecah kerana berlainan parti.

"Di samping itu, parti pembangkang mahu mengambil kesempatan mencari pengaruh melalui isu ini. Perpecahan adalah kekal di antara parti kerajaan dan parti pembangkang," katanya.

Mengenai arahan menghadkan hubungan pegawai kerajaan dengan pihak istana: "Sebenarnya kita mahu kembali kepada keadaan asal. Ini bermakna kita hanya membuat apa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan persefahaman di antara kerajaan dan raja-raja.

"Selama ini kita menyediakan pelbagai kemudahan kepada raja-raja yang melampaui hak sebenarnya. Apa yang kita lakukan adalah memenuhi hak mereka yang sebenar. Mereka terus mendapat hak yang layak diperolehi," katanya.

Mengenai taklimat kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum mesyuarat Kabinet, beliau berkata amalan itu tidak terkandung dalam undang-undang.

Bagaimanapun, katanya, atas kemahuan Perdana Menteri pertama,

beliau memberi taklimat kepada Yang di-Pertuan Agong pada pagi mesyuarat Kabinet.

"Selepas itu, ia seolah-olah menjadi satu tradisi tetapi bukan mengikut keperluan undang-undang. Beliau dimaklumkan mengenai perkara yang dibincangkan oleh Kabinet dengan menyerahkan salinan semua kertas Kabinet. Amalan itu diteruskan sehingga hari ini.

"Ini bermakna beliau tidak pernah diketepikan terhadap apa yang dibincang dan diputuskan oleh kerajaan," katanya.